

08/11/2001

Afta: Asean perlu awasi usaha syarikat asing

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara rantau ini berwaspada dengan cubaan kepentingan asing, yang berselindung di sebalik penubuhan industri nasional, untuk menguasai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) bagi menjejaskan industri tempatan.

Sambil menyifatkan fenomena itu masalah pembentukan Afta, Perdana Menteri berkata, syarikat asing akan bersaing untuk memonopolinya dengan menubuhkan 'industri nasional yang mereka miliki', manakala syarikat tempatan hanya bekerja dengan sedikit pemilikan dan pemindahan teknologi.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, pasaran dengan satu bilion penduduk ini boleh diperkukuhkan jika negara serantau saling membantu dan kekuatan itu boleh digunakan untuk menentukan terma yang menguntungkan Asean.

"Jika bersendirian kita akan gagal, jika bersama kita mempunyai harapan.

"Setiap daripada kita akan mendapat tawaran menarik tetapi kita akan rugi jika kita merosakkan persahabatan," katanya berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Majlis Petroleum Asean (Ascope) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Presiden/Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Merican. Persidangan dan pameran empat hari itu dihadiri 833 peserta dari 33 negara dan 367 syarikat dari 29 negara, termasuk 73 firma Amerika.

Perdana Menteri berkata, Asean perlu membina industri berdasarkan pasaran serantau, bukan berasaskan pasaran negara masing-masing serta perlu bersetuju dengan pengagihan industri supaya persaingan diminimumkan.

Pasaran dan kekayaan ekonomi Asean perlu dimajukan sendiri dan pelbagai kawasan segi tiga pertumbuhan ekonomi harus dimajukan dengan serius bagi memanfaatkan kekuatan sumber manusia, sumber asli, modal dan teknologi masing-masing.

Katanya, rancangan grid elektrik dan gas Asean perlu dilaksanakan secepat mungkin, manakala jaringan landasan dan jalan raya negara anggota perlu dihubungkan agar perjalanan dipermudahkan dengan menggunakan kad pintar yang sama.

"Apa yang nyata, banyak boleh dilakukan Asean untuk selamat dalam ekonomi baru. Kita perlu membangunkan kelebihan yang kita ada," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara Asean sudah mengalami sendiri kesan globalisasi, terutama manipulasi mata wang oleh perdagangan antarabangsa yang disokong badan antarabangsa seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Akibatnya, kata beliau, harimau ekonomi Asia Timur tiba-tiba menjadi miskin. Mereka bukan saja terpaksa meminjam daripada IMF tetapi menyerahkan pengurusan kewangan dan ekonomi mereka.

"Sama ada dirancang atau bukan, nasihat yang diberikan IMF itu memburukkan lagi keadaan ekonomi negara berkenaan.

"Walaupun regim kewangan antarabangsa dan institusi Bretton Woods seperti IMF dan Bank Dunia ternyata gagal, tiada usaha dibuat bagi menstruktur semula sistem itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, globalisasi mungkin tidak boleh dielak tetapi tidak ada sebab mengapa ia harus wujud semata-mata untuk membolehkan pengaliran bebas modal.

Proses globalisasi boleh diatur supaya negara membangun tidak membuang sepenuhnya perlindungan industri mereka dan pada masa sama dapat membuka pasaran kepada negara kaya bagi membolehkan ekonomi berkembang.

"Hari ini kita lihat negara kaya mengambil tindakan bersendirian bagi melindungi industri mereka. Jika si kaya boleh berbuat demikian bagi

melindungi diri mereka, sudah tentu si miskin patut diberi hak yang sama untuk melindungi perniagaan kecil mereka," katanya.

Beliau berkata, perniagaan kecil negara membangun perlu terus wujud dalam ekonomi globalisasi, bukan hanya perniagaan gergasi negara maju yang dilihat sebagai cekap dari segi produktiviti dan kos.

"Perniagaan kecil tidak membantutkan pertumbuhan kita. Jika ia memberi kesan sedemikian, sudah tentu kita tidak berada pada tahap pencapaian sekarang," katanya.

(END)